



Ruj. Kami : PKS.700-6/1/2(3)
Tarikh : 06 Januari 2021

Kepada Yang Berkenaan

Tuan,

**MAKLUMAN PINDAAN TARIKH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI (LI) PELAJAR
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS) BAGI SESI DISEMBER 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Terlebih dahulu pihak kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian pihak tuan menerima pelajar kami untuk menjalani latihan industri di organisasi tuan.

3. Berikutan situasi semasa ini, terdapat perubahan pada Kalendar Akademik Politeknik bagi Sesi Jun 2020 dengan mengambil kira faktor kesihatan, kebijakan dan keselamatan pelajar serta kesediaan pihak industri yang terkesan dengan penularan wabak pandemik COVID-19 ini. Sehubungan itu, Takwim Pelaksanaan Latihan Industri bagi Sesi Disember 2020 telah dipinda seperti berikut:

Tarikh Asal Latihan Industri : 25 Januari 2021 hingga 11 Jun 2021

Tarikh Baharu Latihan Industri : 01 Mac 2021 hingga 16 Julai 2021 (Pindaan)

4. Pihak kami ingin memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku serta berharap perkara ini tidak akan menutup ruang dan peluang pelajar-pelajar kami untuk menjalani latihan industri di organisasi tuan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi **Encik Nik Syahrul Faizal Bin Nik Mat** selaku Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri PKS di talian **082-845596 sambungan 583**.

5. Kerjasama dan pertimbangan daripada pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(JAMALIAN BINTI AHMAD)
Pegarah
Politeknik Kuching Sarawak



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. IQMS 02467